

12 MAR 2000

PADANG BESAR CALONKAN TENGKU RAZALEIGH BAGI KERUSI MAJLIS TERTINGGI

PADANG BESAR, 12 Mac (Bernama) -- Umno bahagian Padang Besar hari ini mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi merebut satu daripada kerusi Majlis Tertinggi (MT) bagi pemilihan parti Mei ini.

Ia merupakan bahagian pertama yang mencalonkan tokoh politik Kelantan itu sebagai anggota MT.

Pencalonan pengerusi badan perhubungan Umno Kelantan itu sebagai anggota MT mengenepikan syor Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim baru-baru ini supaya bahagian-bahagian Umno di negeri ini mencalonkannya sebagai seorang daripada naib presiden Umno.

Persidangan perwakilan bahagian itu mencalonkan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sebagai naib presiden.

Mereka sebulat suara mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan.

Nama-nama lain yang dicalonkan oleh bahagian itu bagi kerusi MT ialah Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Wira Mohamed Ali Rustam, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Suleiman Mohamed, Tan Sri Mohamed Isa Samad, Datuk Osu Sukam, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, Datuk Azmi Khalid, Datuk Idris Jusoh, Datuk Seri Mohamed Shariff Omar, Datuk Dr Helmi Yahya, Datuk Shafie Apdal, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Nazri Aziz, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Khalid Yunus, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Mustapa Mohamed dan Datuk Dr Yusof Nor.

-- BERNAMA

AD RON